

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG HON WAI**  
**[BUKIT BENDERA]**  
**TARIKH : 05 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 25**

**Y.B. TUAN WONG HON WAI [ BUKIT BENDERA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai aset-aset luar negara dan dalam negara skandal 1MDB yang telah dikembalikan kepada Kerajaan sejak Mei 2018 dan apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan untuk mendapat balik aset-aset skandal 1MDB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana umum sedia maklum, Kerajaan telah menyatakan komitmen untuk mendapatkan semula dana/ aset 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang didakwa telah diseleweng.

Bagi tujuan tersebut, Jabatan Peguam Negara dan pihak berkuasa Malaysia telah bekerjasama dengan pihak berkuasa asing dari negara-negara, antaranya seperti Singapura, Indonesia, Amerika Syarikat dan Switzerland untuk memulihkan dan membawa balik dana yang diseleweng dari 1MDB serta aset yang dibeli dengan menggunakan dana 1MDB.

Hasil daripada kerjasama tersebut, berikut merupakan antara perkara yang telah dicapai:

1. Pada bulan Ogos 2018 dan Mac 2019, mahkamah di Singapura telah mengarahkan supaya dana berkaitan 1MDB yang dirampas sebanyak SGD50 juta dipulangkan semula kepada Malaysia;
2. Pada bulan April 2019, Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) telah mengembalikan dana sebanyak USD57,036,688.68 (jumlah bersih) ke Malaysia hasil daripada perjanjian penyelesaian dengan Red Granite Pictures berhubung hak perfileman mereka;
3. Pada bulan Mei 2019, DOJ telah mengembalikan dana sebanyak USD137,283,889.95 (jumlah bersih) ke Malaysia hasil daripada penjualan kepentingan Jho Low di dalam Park Lane Hotel;
4. Kapal Equanimity telah dijual kepada pembida tertinggi iaitu Genting Malaysia Bhd dengan harga USD126 juta (kira-kira RM527.4 juta). Hasil jualan tersebut telah diterima sepenuhnya pada 23 April 2019 dan kini disimpan di dalam *Sheriff's Stakeholder Account* bagi tujuan penyesuaian dengan tuntutan perbelanjaan penyelenggaraan kapal yang akan ditentukan melalui Perintah Mahkamah. Baki hasil jualan

## NO SOALAN : 25

setelah ditolak jumlah perbelanjaan yang terlibat dijangka akan didepositkan ke dalam *Assets Recovery Account* pada suku tahun keempat tahun 2019.

5. Pada 30 Oktober 2018, Kerajaan telah memfailkan permohonan bagi pihak Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan 1MDB di Mahkamah Tinggi di London, England untuk mengetepikan *Consent Award* bertarikh 9 Mei 2017 yang telah direkodkan oleh *London Court of International Arbitration* (LCIA) dalam prosiding timbang tara yang melibatkan International Petroleum Investment Corporation (IPIC), Aabar Investments PJS (Aabar PJS), 1MDB dan MKD atas dasar pembuatan *Award* tersebut telah terjejas oleh *fraud* dan/atau bercanggah dengan dasar awam. Berdasarkan *Consent Award*, 1MDB dan MKD, antara lain, terdedah (*exposed*) kepada obligasi pembayaran berbentuk tunai dan indemniti, secara kumulatifnya (*cumulatively*), lebih kurang sebanyak USD5.78 bilion kepada IPIC dan Pemegang Bon. Pada masa ini, prosiding mahkamah masih berjalan. Sekiranya permohonan ini berjaya, 1MDB dan MKD akan terlepas daripada pendedahan tersebut di bawah *Consent Award*. Ini merupakan langkah yang perlu diambil dalam proses untuk mempertikaikan keseluruhan perjanjian penyelesaian bertarikh 24 April 2017 antara IPIC, Aabar PJS, 1MDB dan MKD yang turut mengandungi terma-terma lain;
6. Pada bulan Mac 2019, satu permohonan saman pelucutan hak di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 (AMLA) telah difailkan terhadap bapa Jho Low, iaitu Low Hock Peng di mana Kerajaan berusaha untuk mendapatkan semula dana daripada pelbagai akaun yang bernilai kira-kira RM48 juta;
7. Pada bulan Mei 2019, satu permohonan saman pelucutan hak terhadap bekas Perdana Menteri, YBhg. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan 17 yang lain telah difailkan bagi merampas pelbagai aset yang dianggarkan bernilai lebih RM133 juta. Prosiding mahkamah berkaitan perkara ini masih dijalankan; dan
8. Pada bulan Jun 2019, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah memfailkan 41 permohonan pelucutan hak terhadap pelbagai entiti dan individu bagi mendapatkan semula dana berkaitan 1MDB berjumlah

## **NO SOALAN : 25**

RM270 juta. Dana ini adalah tambahan kepada dana berjumlah lebih RM1 juta yang telah dikesan dan secara sukarela telah diserahkan melalui SPRM oleh pelbagai entiti.

Sehingga 30 September 2019, jumlah dana berkaitan 1MDB yang telah berjaya didapatkan kembali dan didepositkan ke dalam *Assets Recovery Account* di bawah Kementerian Kewangan dan 1MDB adalah sebanyak kira-kira RM925.1 juta (termasuk RM6.1 juta yang dipulangkan kepada Yayasan 1MDB). Dana ini telah diperolehi dalam pelbagai mata wang asing termasuk dolar AS, dolar Singapura, dolar Australia dan China Renminbi.

Jumlah tersebut tidak termasuk hasil jualan Kapal Equanimity sebanyak kira-kira USD126 juta (RM529.2 juta) yang telah diterima sepenuhnya pada 23 April 2019 dan kini disimpan di dalam *Sheriff's Stakeholder Account* bagi tujuan penyesuaian dengan tuntutan perbelanjaan penyelenggaraan kapal yang akan ditentukan melalui Perintah Mahkamah. Baki hasil jualan setelah ditolak jumlah perbelanjaan yang terlibat dijangka akan didepositkan ke dalam *Assets Recovery Account* pada suku tahun keempat tahun 2019.

Secara keseluruhannya, jumlah dana berkaitan 1MDB yang telah berjaya didapatkan kembali adalah sebanyak kira-kira RM1.45 bilion.

Proses untuk mendapatkan semula dana 1MDB yang telah diseleweng sedang berjalan dan ia merupakan suatu proses yang rumit dan panjang yang boleh memakan masa bertahun lamanya. Ini kerana ia bukan sahaja melibatkan kerjasama di antara pelbagai agensi tempatan dengan pelbagai agensi asing dari pelbagai negara, malahan ia turut melibatkan proses perundangan di mahkamah negara asing. Namun, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan pihak berkuasa yang lain akan terus berusaha untuk mendapatkan semula semua dana 1MDB yang telah diseleweng sama ada melalui individu atau syarikat tertentu serta membawa semua pesalah kes kleptokrasi terbesar ini ke muka pengadilan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN**  
**[ ROMPIN ]**  
**TARIKH** : **5 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 26**

**Y.B. DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah awal yang dilakukan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia jika berlaku perang mata wang di antara China dan Amerika. Adakah Kerajaan bersedia menghadapi beberapa kemungkinan yang akan berlaku jika perang mata wang tersebut benar-benar berlaku.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 5 November 2019, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 0.06 peratus. Prestasi ringgit adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -5 peratus dan 7 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Penyusutan nilai ringgit disebabkan oleh ketegangan geopolitik dan kemerosotan keyakinan pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan ketidaktentuan pertumbuhan global.
2. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi

domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

3. Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir. Pada masa sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

4. Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh asas ekonomi negara yang kukuh. Oleh yang demikian, Malaysia akan menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi serta memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DR. KELVIN YII LEE WUEN**  
**[ BANDAR KUCHING ]**  
**TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 27**

**Y.B. DR. KELVIN YII LEE WUEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang progres pelaksanaan “insurans kesihatan” MySALAM untuk golongan B40 dan bagaimana program ini dapat diperkembangkan dan digalakkan di kalangan golongan yang berhak dan memerlukannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Perlindungan Kesihatan Nasional mySalam (mySalam) adalah inisiatif Kerajaan yang diperkenalkan pada Belanjawan tahun 2019 bertujuan menyediakan perlindungan kesihatan takaful percuma kepada individu B40 yang juga penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) berumur 18 hingga 55 tahun, serta pasangan mereka. Berdasarkan rekod sehingga 25 September 2019, jumlah tuntutan yang telah diluluskan di bawah Skim mySalam adalah sebanyak 8,600 tuntutan dengan jumlah yang telah dibayar sebanyak RM3,196,400. Daripada 8,600 tuntutan yang diluluskan, 6,126 adalah merupakan tuntutan bagi manfaat hospitalisasi manakala 2,474 adalah bagi manfaat penyakit kritikal.

Di bawah Belanjawan 2020, Skim mySalam telah diperkembangkan untuk merangkumi penerima BSH berumur 18 hingga 65 tahun berbanding dengan 55 tahun sekarang, yang akan memberi manfaat tambahan kepada 1.5 juta individu. Selain itu, perlindungan ke atas penyakit kritikal ditingkatkan daripada 36 penyakit sedia ada kepada 45 penyakit. Akhirnya, individu yang mempunyai pendapatan kasar tahunan sehingga RM100 ribu akan menerima perlindungan di bawah mySalam yang akan memanfaatkan 5 juta individu.

Pasukan mySalam telah bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain secara aktif bagi mempromosikan dan meningkatkan kesedaran tentang Skim ini. Keberkesanan program promosi dan kesedaran ini dapat dilihat dengan kenaikan jumlah tuntutan dari bulan ke bulan dan dijangkakan akan terus naik dengan segala aktiviti-aktiviti lanjutan yang telah dirancang oleh pasukan mySalam untuk bulan-bulan seterusnya.

Pasukan mySalam juga sedang dalam proses untuk bekerjasama dengan pihak *Urban Transformation Centre* (UTC) di seluruh Malaysia bagi mengembangkan dan mempertingkatkan kesedaran tentang manfaat mySalam serta dalam proses menyediakan kiosk perkhidmatan di hospital utama seluruh negara secara berperingkat dan dijangkakan setiap negeri akan mempunyai kiosk ini pada penghujung tahun 2019.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK**  
**DAGANG [ KANOWIT ]**  
**TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 28**

**Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG [ KANOWIT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keadaan sebenar berkenaan dengan hutang/pinjaman (jumlah, tempoh, tujuan pinjaman) negeri Sarawak dengan Kerajaan Pusat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pinjaman yang diluluskan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sarawak sehingga 30 September 2019 adalah berjumlah RM5,409.79 juta dengan purata tempoh pinjaman di antara 5 tahun sehingga 30 tahun. Pinjaman ini bertujuan membiayai projek-projek kemudahan asas untuk faedah rakyat seperti projek Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan lain-lain lagi projek pelbagai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' SERI DR. SANTHARA**  
**[ SEGAMAT ]**  
**TARIKH** : **5 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 29**

**Y.B. DATO' SERI DR. SANTHARA [ SEGAMAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak cukai haram (*sin tax*) yang dikutip bagi tempoh Mei 2018 hingga September 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kutipan cukai tidak langsung yang diterima bagi produk *demerit* yang terdiri daripada produk tembakau, rokok dan minuman keras serta aktiviti perjudian yang telah diterima oleh Kerajaan bagi tempoh Mei 2018 sehingga September 2019 adalah seperti berikut:

<b>Rokok dan Tembakau</b>	<b>Minuman Keras</b>	<b>Aktiviti Perjudian</b>
RM4.4 bilion	RM3.6 bilion	RM4.5 bilion